

21 JUL 1998

Mahathir-Infrastruktur

PROJEK INFRASTRUKTUR BESAR-BESARAN UNTUK WUJUD AKTIVITI EKONOMI

SEREMBAN, 21 Julai (Bernama) -- Malaysia akan mengambil pendekatan untuk melaksanakan projek infrastruktur secara besar-besaran ke arah mewujudkan lebih banyak aktiviti ekonomi dan menggerakkan industri lain, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kerajaan akan memperuntukkan lebih banyak wang untuk mewujudkan lebih banyak aktiviti ekonomi, kata Perdana Menteri pada persidangan berita selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan Ketua-ketua Bahagian, Pemuda dan Wanita serta pegawai-pegawai penerangan Umno negeri di Dewan Theatrette, Wisma Negeri di sini.

Beliau berkata satu daripada keputusan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) ialah supaya mengadakan projek infrastruktur secara besar-besaran termasuk yang melibatkan sektor pembinaan kerana pembinaan mempunyai 140 industri yang akan dapat faedah daripadanya.

"Lebih besar pembinaan, lebih banyak aktiviti ekonominya," katanya.

Beliau berkata pembinaan infrastruktur mesti diadakan untuk kepentingan pembangunan negara bagi meningkatkan ekonomi.

"Kita akan adakan projek berasaskan pembinaan bukan sahaja untuk jalan raya malah apa-apa mengenai infrastruktur. Kita akan membelanjakan wang untuk menggerakkan industri lain.

"Rakyat mulai dapat melihat apa yang MTEN lakukan berbeza daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bahawa kita perlu mempunyai lebih kecairan dan tidak mengetatkan kredit," katanya.

Ia merupakan strategi yang betul kerana ketika mengikuti cadangan IMF dan mengetatkan kecairan sebenarnya terdapat pengecutan ekonomi pada tiga bulan pertama tahun ini, katanya.

"Sekarang kita perlu melonggarkannya dan memperuntukkan lebih banyak wang untuk mewujudkan aktiviti ekonomi," katanya.

Ketika ditanya mengenai kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang melahirkan kekecewaan terhadap IMF kerana tidak telus dan konsisten dalam usaha menyelamatkan ekonomi negara yang dilanda krisis ekonomi, Dr Mahathir berkata tentunya Anwar berasa kecewa kerana sementara Indonesia tidak menerima bantuan walaupun sudah lama meminta, Rusia sebaliknya dilaporkan mendapat AS\$17.1 bilion dengan begitu mudah.

Dr Mahathir berkata IMF sepatutnya telus dalam membuat keputusan tetapi standard dan cara yang digunakan oleh IMF dalam membuat keputusan boleh menimbulkan pertanyaan.

Ketika ditanya sama ada IMF mempunyai agenda tersembunyi, Dr Mahathir berkata; "Saya tidak kata dia ada agenda tersembunyi tetapi kita dapati IMF tidak ada ketelusan."

Semasa menjawab pertanyaan mengenai beberapa perubahan di kalangan pegawai di media tempatan baru-baru ini, beliau berkata tidak seorangpun termasuk beliau akan kekal memegang jawatan selama-lamanya kerana ada kalanya perlu berundur.

"Tetapi saya berharap apabila saya berundur orang tidak akan membuat interpretasi luar biasa," katanya.

Katanya, beliau mendapati media boleh memainkan peranan utama dalam menggerakkan semula ekonomi tetapi malangnya kadang-kadang media melaporkan perkara yang negatif.

Dr Mahathir berkata Ahad lepas beliau pergi ke KLCC dan beribu-ribu orang menikmati pelbagai kemudahan di situ dan ada yang mengucapkan terima kasih kepadanya.

Petronas membelanjakan RM100 juta untuk kemudahan orang ramai di situ tetapi media tidak menyatakan perkara positif mengenainya, kata beliau.

-- BERNAMA

AZ RP AKD